

Gombak dilanda banjir

» Ratusan rumah digenangi air selepas hujan dua jam

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Hujan lebat hampir dua jam petang semalam menyebabkan ratusan rumah di beberapa kampung di sekitar daerah Gombak dinaiki air sehingga dua meter.

Antara kampung yang dilanda banjir ialah Kampung Nakhoda, Kampung Laksamana dan Kampung Ulu Yam Bharu.

Tiga jentera Bomba dan Pe-

nyelamat Selayang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di-kejarkan ke lokasi berkenaan untuk membantu mangsa.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Sani Harul, berkata pihaknya menerima panggilan jam 7.30 daripada penduduk memaklumkan air semakin naik sehingga sebahagian besar barang penduduk gagal diselamatkan.

Katanya, sehingga jam 9 malam tadi, operasi mengeluarkan mangsa banjir dari rumah mereka masih dilakukan dan JKJ juga turut membuka pusat pemindahan.

Ibu negara turut banjir kilat

Sementara itu, Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Azizan Ismail, berkata

beberapa lokasi di sekitar ibu negara turut dilanda banjir kilat sejak jam 6 petang semalam.

Antara lokasi terbabit adalah Jalan Loke Yew menghala Cheras dan bulatan Cheras menyebabkan sebahagian besar kenderaan terperangkap.

Sementara itu, di Jalan Mahameru, berlaku runtutan tebing kira-kira jam 8 malam menyebabkan laluan di kedua-dua hala kesesakan teruk.

Sementara itu, penduduk Kampung Laksamana, Mahmad Ismail, 62, sedih kelengkapan barang hantaran untuk majlis perkahwinan anak lelakinya pada 1 Disember ini turut rosak.

"Kejadian berlaku terlalu pantas. Kami hanya berlari ke kawasan tinggi untuk menyelamatkan diri. Saya anggarakan mengalami kerugian lebih RM50,000," katanya ketika ditemui, semalam.



Dua remaja **mengangkat peralatan rumah yang tenggelam** akibat banjir kilat di Kampung Laksamana, Gombak, semalam.

[FOTOB ERNAMA]